

Alam Wanita

Soal Berbilang Isteri Dalam Islam

(9)

Masalah isteri nusyuz, (ingkar) yang kadang-kadang digantung tidak bertali, masalah beristeri lebih dari satu atau (poligami), dan masalah talak selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya:

“Bayt al-ṭāat wa ta‘iddad al-zaujāt wa al-talāq fī al-Islam”

Huraianya yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah ini yang sebenarnya.

Dalam bilangan-bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz) dan mulai siaran yang ke-4 dan seterusnya, pengarangnya, menghuraikan pula masalah yang kedua - soal berbilang isteri dalam Islam.

Diterjemahkan oleh: Abdullah Basmeh

Peraturan berbilang isteri dalam sejarah

dalam lapangan tamadun.

tamadun manusia dan dalam berbagai-bagai agama.

Sebenarnya peraturan berbilang-bilang isteri ini telah sedia

Sebelum kita meninggalkan mauduk berbilang isteri elok rasanya kita menyingkap akan kesesatan setengah penulis-penulis barat dan lain-lainnya, yang cuba hendak mempengaruhi orang ramai tentang bahawa agama Islamlah yang mula-mula membawa peraturan berbilang-bilang isteri itu, dan bahawa peraturan itu hampir-hampir terhad dalam kalangan umat-umat yang beragama Islam. Dasar berbilang isteri – kata mereka lagi –telah diharamkan oleh agama Kristian dan ia tidak tersiar melainkan dalam kalangan bangsa-bangsa yang mundur

tersiar rata-rata sebelum kedatangan agama Islam dalam kalangan berbagai-bagai bangsa di antaranya ialah: Bani Israel (Yahudi), orang-orang Arab dalam zaman jahiliah, bangsa-bangsa ((Slav)) yang menjadi asal bagi kebanyakan penduduk negeri-negeri yang kita sekarang menamakannya: Rusia, Lithuania, Estonia, Poland, Czechoslovakia dan Yugoslavia, dan juga tersiar dalam kalangan setengah bangsa-bangsa Jerman dan Saxon yang menjadi asal bagi kebanyakan penduduk bagi negeri-negeri yang sekarang kita menamakannya: negeri

Jerman, Austria, Switzerland, Belgium, Belanda¹, Denmark, Sweden, Norway, dan England. Oleh yang demikian, tidaklah benar apa yang mereka dakwakan bahawa Islamlah yang membawa peraturan berbilang isteri ini.

Perbuatan berbilang isteri sehingga hari ini masih tersiar dalam kalangan berbagai-bagai bangsa yang bukan Islam: di Afrika, di India, di negeri China dan di negeri Jepun. Oleh itu nyatalah tidak benar apa yang mereka katakan bahawa peraturan ini terhad pada masa ini dalam kalangan bangsa-bangsa yang beragama Islam.

Sebenarnya tidak ada perkaitan agama Kristian pada asalnya dengan pengharaman berbilang-bilang isteri. Demikian juga tidak ada tersebut di dalam kitab Injil satu nas (keterangan) yang tegas, yang menjadi dalil tentang haramnya peraturan berbilang isteri itu. Meskipun orang-orang dahulu yang memeluk agama Kristian dari kalangan penduduk Eropah telah mengamalkan peraturan beristeri satu, maka yang demikian itu tidaklah terjadi melainkan kerana kebanyakan bangsa-bangsa Eropah terutama bangsa-bangsa Greek dan Rom, yang beragama Jahiliah, yang telah tersiar agama Kristian dalam kalangan mereka, adalah adat mereka mengharamkan perbuatan berbilang isteri yang diadakan secara rasmi. Mereka, setelah memeluk agama Kristian telah mengamalkan adat datuk nenek moyang mereka (mengharamkan berbilang isteri) pada zaman yang lalu. Jelasnya, peraturan beristeri satu dalam kalangan mereka bukanlah satu peraturan baharu yang dibawa oleh agama Kristian yang mereka peluk, tetapi ialah satu peraturan tua yang telah diamalkan turun temurun semenjak mereka beragama jahiliah dahulu. Selain daripada itu banyak pula di antara orang-orang Eropah yang telah memeluk agama Kristian mengamalkan dasar berbilang isteri sebelum mereka memeluk agama Kristian, dan

telah berkekalan mengamalkannya kemudian daripada itu. Pada pertengahan kurun yang keenam, pernah kejadian, bahawa Diarmait (**Diarmait**), raja Ireland mempunyai dua isteri yang sah. Raja-raja dari keluarga (Murphy) telah beristeri beberapa kali dengan berbilang isteri. Raja (Sharlaman) (Charlemagne) pernah mempunyai dua isteri dan beberapa orang gundik. Dari salah satu undang-undang raja yang tersebut dapat difaham bahawa perbuatan berbilang isteri bukanlah sesuatu perkara yang tidak dikenal (bahkan sedia dikenal) hatta oleh paderi-paderi Kristian. Pernah juga kejadian kemudian daripada itu, bahawa raja (His Philip) dan raja (Frederick William yang kedua) raja Prusia (negeri Jerman – P.) Telah beristeri lebih dari satu dengan persetujuan paderi-paderi mazhab Luther (Protestant – P.). ((Luther)) telah membenarkan perbuatan raja yang tersebut dan telah juga dibenarkan oleh Milanstone². Hanya yang dapat dikemukakan dalam soal ini ialah bahawa peraturan gereja yang telah diadakan kemudian daripada itu telah mengambil ketetapan mengharamkan berbilang isteri, dan mensifatkan pengharaman ini dari ajaran-ajaran agama Kristian, meskipun kitab-kitab Injil sendiri pun tidak ada tersebut di dalamnya sesuatu keterangan yang menjadi dalil tentang pengharaman berbilang isteri itu.

Peraturan berbilang isteri, tidak jelas kelihatan dengan jelas melainkan dalam kalangan bangsa-bangsa yang maju dan bertamadun, sebaliknya sedikit tersiar atau tidak ada langsung dalam kalangan bangsa-bangsa yang hidup secara liar dan mundur, sebagaimana yang diakui oleh ahli-ahli pengetahuan tentang masyarakat manusia dan ahli sejarah tentang perkembangan tamadun, terutama oleh Westermarck, Hobhouse, Wheeler dan Ginsberg.

¹ Holland (Belanda)

² Maksud sebenar perkataan tidak dapat diteka

Telah nyata bahawa peraturan beristeri satu ialah peraturan yang sedia terhebah dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa yang mundur dan hidup secara liar, iaitu bangsa-bangsa yang hidup dengan memburu dengan mengumpulkan buah-buahan hutan rimba. Dan dalam kalangan bangsa-bangsa yang tidak berkisar jauh dari cara hidup yang liar dan mundur, iaitu bangsa-bangsa yang masih baharu dalam lapangan bercucuk tanam. Sebaliknya peraturan berbilang isteri tidak kelihatan jelas melainkan dalam kalangan bangsa-bangsa yang telah melangkah jauh dalam lapangan kemajuan dan tamadun. Iaitu bangsa-bangsa yang melampaui peringkat berburu secara permulaan (rendah) kepada peringkat memelihara binatang-binatang temak dan mengembalanya serta mengambil

hasilnya, dan juga bangsa-bangsa yang telah melampaui peringkat mengumpulkan hasil buah-buahan dan tanaman-tanaman secara permulaan (rendah) kepada peringkat pertanian secara moden.

Banyak di antara ahli-ahli pengetahuan tentang masyarakat manusia dan ahli-ahli sejarah tentang perkembangan tamadun memandang bahawa peraturan berbilang isteri sudah tetap akan bertambah luas dan akan banyak bangsa-bangsa yang mengamalkannya ketika perkembangan tamadun bertambah maju dan bertambah luas. Maka tidaklah benar apa yang mereka katakan bahawa peraturan berbilang isteri bergantung kepada mundurnya tamadun manusia, bahkan sebaliknya itulah yang sesuai dengan kenyataan.

-Bersambung

‘Aisyah: al-Siddiqah binti al-Siddiq

Riwayat hidup Siti ‘Aisyah *ummul mu’minin* ialah suatu riwayat yang indah dan menarik buah kalam pujangga Arab yang terkenal Abbas Mahmud al-Aqqad.

Buku yang berharga ini menggambarkan sifat isteri Rasullah yang menjadi contoh utama sebagai seorang guru, sebagai seorang pendidik, sebagai seorang isteri yang setia dan sebagai seorang ratu “rumah tangga” dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Sangat penting dibaca oleh segala peringkat terutama oleh wanita-wanita Islam.

2 penggal tamat. Harga sepenggal \$1.00 sahaja, belanja mengirimmnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

(Terjemaham Abdullah Basmeh)

